

## **KENYATAAN MEDIA**

### **CADANGAN PEMBANGUNAN TANAH KERAJAAN ATAS LOT 54391 DI JALAN SS 9A/1, SERI SETIA, PETALING JAYA.**

Projek Pembangunan tanah kerajaan dan Lot 54391 di Jalan SS 9A/1, Seri Setia, Petaling Jaya merupakan satu projek usahasama di antara Majlis Bandaraya Petaling Jaya bersama Tetuan Focus Sdn. Bhd.

Pada 13 September 2007, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan pemberimilikan tanah seluas 5.1 ekar kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk membangunkan satu projek menaiktaraf kemudahan awam yang meliputi cadangan pembangunan gerai, kedai, kemudahan institusi keagamaan, kawasan lapang dan kemudahan tempat letak kereta. Kerajaan Negeri juga telah bersetuju dan mengesahkan perlantikan Tetuan Taipan Focus Sdn. Bhd. sebagai Rakan Perlaksanaan untuk cadangan pembangunan ini.

Selaras dengan kelulusan Kerajaan Negeri, plan susunatur cadangan di atas tapak tersebut telahpun diluluskan oleh Majlis pada Oktober 2007 yang mengandungi komponen pembangunan seperti Kemudahan Awam/ Padang/ Siar Kaki, Tempat letak Kereta, Kompleks Komersil/Bazar, Kedai Pejabat 4 Tingkat dan Tapak Bangunan Institusi Keagamaan.

Cadangan pembangunan ini telah mengambilkira sebanyak 35 buah keluarga setinggan kediaman, 12 unit setinggan kedai dan lebih kurang 10 penjaja tanpa lesen di sekitar kawasan tersebut.

Pembaharuan Semula Bandar (Urban Regeneration) di tapak cadangan ini akan memberikan impak positif kepada penduduk serta peniaga di sekitar kawasan SS 9A untuk menikmati kemudahan awam yang lebih selesa, teratur dan moden. Pembangunan ini akan memastikan kemudahan padang sedia ada akan dikekalkan malahan keluasannya juga bertambah daripada 1.39 ekar kepada 1.89 ekar (pertambahan 15% dari keluasan asal). Padang tersebut juga akan dikekalkan statusnya sebagai padang awam.

Pembangunan ini juga akan menyediakan 2 plot tanah bagi kemudahan institusi keagamaan di samping kemudahan tempat letak kereta yang mencukupi serta kompleks komersial/bazar yang mengandungi sebanyak 96 unit lot niaga, 431 unit lot kedai/kios, panggung wayang dan 1 blok kedai pejabat 4 tingkat yang akan di bina bertujuan untuk memberikan kemudahan tambahan dan mengubah persekitaran fizikal kawasan ini kepada yang lebih indah dan bersih.

Gross development value bagi projek ini berjumlah RM60 juta yang mana ia akan memberikan peluang pekerjaan dan pulangan hasil kepada Majlis yang akan dimanfaatkan kepada penduduk Petaling Jaya secara keseluruhannya.

Sebelum kelulusan bagi cadangan pembangunan tanah kerajaan ini diberikan, MBPJ telah melaksanakan proses perundingan bersama pemimpin kawasan, pegerai dan pemilik bangunan tokong yang sediaada.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan projek ini dilihat akan memberi faedah kepada pemilik kedai, peniaga sediaada dan penduduk sekitar melalui peningkatan aktiviti ekonomi, penyediaan kemudahan awam dan perubahan persekitaran fizikal secara menyeluruh.

**Di sediakan oleh:**

**Sekretariat Media  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council, twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:  
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my)